

**GARIS PANDUAN BAGI MENGGALAKKAN
MOBILITI TENAGA PENGAJAR ANTARA
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI TEMPATAN**

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Garis panduan bagi menggalakkan mobiliti tenaga pengajar antara institusi pendidikan tinggi (IPT) tempatan ini disediakan oleh Kementerian Pendidikan setelah dibincang dan dipersetujui oleh **Persidangan Naib Canselor XXIX pada 21 Julai 1994**.
- 1.2 Garis panduan ini bertujuan untuk mengoptimalkan penggunaan kepakaran tenaga pengajar sebagai salah satu cara mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar di IPT tempatan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 bentuk mobiliti tenaga pengajar yang sedia wujud di antara IPT tempatan dapat dikategorikan kepada:-

2.1.1 Mobiliti Secara Tetap

Mobiliti ini berlaku apabila seseorang tenaga pengajar mendapat tawaran untuk berkhidmat dengan IPT lain secara tetap yang memerlukan ia meletakkan jawatan asal yang sedang disandangnya.

2.1.2 Mobiliti Secara Pinjaman

Mobiliti ini berlaku apabila sesebuah IPT itu memerlukan tenaga pengajar yang mempunyai kepakaran di dalam bidang-bidang tertentu yang tidak terdapat di IPT berkenaan. Tenaga pengajar berkenaan akan kembali ke IPT asalnya apabila tempoh pinjamannya tamat.

2.1.3 Mobiliti Secara Sambilan

Mobiliti ini berlaku dalam keadaan di mana khidmat seseorang tenaga pengajar diperlukan untuk suatu jangka masa yang singkat di IPT lain. Dalam hal ini, tenaga pengajar berkenaan tidak perlu melepaskan jawatan yang sedang disandangnya di IPT asal.

- 2.2 Masalah *pinching of staff* yang berkait dengan mobiliti secara tetap seringkali mewujudkan hubungan yang kurang menyenangkan di antara IPT, terutamanya jika IPT yang menawarkan sesuatu jawatan itu menggunakan faktor gaji sebagai daya tarikan.

- 2.3 Walaubagaimanapun, mobiliti yang bukan berbentuk *pinching of staff* yang sedia wujud di kalangan tenaga pengajar IPT tempatan wajar diterus dan ditingkatkan supaya penggunaan kepakaran tenaga pengajar dapat dioptimakan bagi menangani masalah kekurangan tenaga pengajar. Bagi maksud tersebut, semasa memberi pertimbangan ke atas mobiliti tenaga pengajar masing-masing, semua IPT hendaklah berpandukan garis panduan seperti yang dinyatakan di para 3 di bawah.

3. GARIS PANDUAN

3.1 Mobiliti Secara Tetap

- 3.1.1 IPT yang mengeluarkan tawaran kepada seseorang tenaga pengajar dari IPT yang lain hendaklah mengelakkan daripada menawarkan gaji yang lebih tinggi atau jawatan kenaikan pangkat;
- 3.1.2 IPT asal boleh mempertimbangkan pelepasan dengan izin kepada tenaga pengajarnya sekiranya tenaga pengajar dalam bidang berkenaan di institusinya adalah mencukupi dan dengan itu tidak akan menjejaskan juga pengajar di institusi asal; dan
- 3.1.3 Alasan yang dikemukakan oleh pemohon untuk pertukaran tetap adalah munasabah dan dapat diterima.

3.2 Mobiliti secara Pinjaman

- 3.2.1 Permohonan untuk mendapatkan khidmat tenaga pengajar daripada IPT yang lain hendaklah atas dasar untuk mendapatkan kepakaran bagi memantu sesebuah IPT itu, terutamanya IPT baru, dalam membangunkan Fakulti/Jabatan/Program tertentu;
- 3.2.2 Pinjaman tersebut tidak akan menjejaskan program IPT yang melepaskan pegawai;
- 3.2.3 Jangka masa pinjaman hendaklah ditentukan secara spesifik; dan
- 3.2.4 Perlanjutan tempoh pinjaman adalah bergantung kepada persetujuan IPT yang memberi pinjaman.

3.3 Mobiliti Secara Sambilan

- 3.3.1 Bagi khidmat tenaga pengajar secara sambilan, keutamaan hendaklah diberikan kepada tenaga pengajar yang bertugas di IPT yang berdekatan;
- 3.3.2 Waktu bertugas tenaga pengajar berkenaan hendaklah disesuaikan dan diselaraskan dengan waktu tenaga pengajar berkenaan perlu mengendalikan program/kursus di IPT asalnya supaya pengajaran di IPT tersebut tidak terjejas;
- 3.3.3 IPT yang mendapat khidmat tenaga pengajar secara sambilan wajar menyediakan kemudahan-kemudahan yang berpatutan seperti tiket perjalanan, kemudahan penginapan, pengangkutan dan lain-lain; dan
- 3.3.4 IPT yang mendapat khidmat tenaga pengajar sambilan hendaklah membuat bayaran elaun mengikut kadar bayaran Pensyarah Sambilan sepertimana yang diluluskan oleh Majlis setiap IPT.

3.4 Sistem Rangkaian (Networking)

IPT digalakkan berkerjasama mewujudkan dan mengeksploitasi sepenuhnya system rangkaian melalui satelit bagi menjimatkan kos dan masa.

4. PELAKSANAAN

Garis panduan ini hendaklah dilaksanakan dan diikuti oleh semua IPT.

5. PENUTUP

Adalah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan agar dengan tergubal dan terlaksananya garis panduan ini akan dapat meningkatkan lagi mobiliti di kalangan tenaga pengajar dan kejadian *pinching of staff* dapat diatasi.

Bahagian Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan.

November 1994